



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
MALAYSIA**



**SURAT PEKELILING JPS Bil 2/2009
(Pindaan kepada SP JPS Bil. 3/2008)**

**TATACARA BARU PERMOHONAN DAN PELANTIKAN
PERUNDING DI JPS MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan beberapa pindaan kepada peraturan baru bagi mempercepatkan proses mengemukakan permohonan dan perakuan pelantikan perunding (termasuk Perunding Jurukur Tanah) yang telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling JPS Bil 3/2008 bertarikh 13 Mac 2008.

2.0 LATAR BELAKANG

Proses permohonan dan pelantikan perunding yang ditunjukkan dalam Lampiran III SP JPS Bil. 3/2008 terhenti setakat penghantaran kertas perakuan ke Pihak Berkuasa Meluluskan sahaja sedangkan ada banyak lagi proses yang perlu dilalui sebelum Surat Setujuterima dapat dikeluarkan kepada Perunding yang dilantik. Proses yang ditunjukkan dalam carta aliran tersebut juga didapati telah mengakibatkan kelewatan dalam penghantaran kertas perakuan ke Pihak Berkuasa Meluluskan. Oleh itu, satu pindaan kepada proses sedia ada perlu dibuat dan carta

aliran baru yang menunjukkan proses sehingga pengeluaran Surat Setujuterima kepada Perunding akan ditunjukkan dalam surat pekeliling ini. Pekeliling ini juga akan menunjukkan carta aliran yang berbeza mengikut jenis pelantikan perunding iaitu:-

- i) Lantikan terus Perunding Ukur Tanah,
- ii) Lantikan terus Perunding bagi projek pembangunan fizikal dan
- iii) Lantikan secara Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK) bagi Perunding Kajian Fizikal dan Kajian Bukan Fizikal.

3.0 PINDAAN/TAMBAHAN

Pindaan/tambahan yang dibuat adalah seperti berikut:-

2.1 Selaras dengan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding yang dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 2006, Carta Aliran di Lampiran III SP JPS Bil. 3/2008 adalah dibatalkan dan digantikan dengan Carta Aliran seperti berikut:-

- i) Lampiran 1 - Carta Aliran Proses Secara Lantikan Terus bagi Kategori Ukur Tanah
- ii) Lampiran 2 - Carta Aliran Proses Secara Lantikan Terus bagi kategori Pembangunan Fizikal
- iii) Lampiran 3 - Carta Aliran Proses bagi Kategori Cadangan Teknikal dan Kewangan

2.2 Perkara yang perlu diambil berat dalam pindaan ini ialah:-

- i) Bagi pelantikan Perunding Jurukur Tanah, sekiranya permohonan dibuat oleh JPS Negeri, pihak JPS Negeri hendaklah menghantar terus permohonan ke Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak (BUBK) tanpa perlu melalui bahagian-bahagian tertentu di Ibu Pejabat JPS Malaysia. (Rujuk Carta Aliran di Lampiran 1)

- ii) Sekiranya pihak JPS Negeri/Unit Projek membuat permohonan Lantikan Terus Perunding (Skop Kerja Pembangunan Fizikal), JPS Negeri/Unit Projek hendaklah menyediakan “Term of Reference”, penilaian markah dan kertas permohonan lengkap dengan pengesyoran 5 nama perunding. Kertas permohonan yang lengkap ini hendaklah dihantar ke Bahagian berkenaan di Ibupejabat untuk semakan dan seterusnya dimajukan ke BUBK. (Rujuk Carta Aliran di Lampiran 2)
- iii) Semua Bahagian dan JPS Negeri/ Unit Projek perlu mendapatkan kata laluan SMAP, e-Perolehan dan Sistem Maklumat Beban Perunding Secara Online melalui BUBK. Kata laluan akan diberikan atas nama pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk memasuki laman web tersebut. Sekiranya terdapat pertukaran pegawai yang dipertanggungjawabkan, pendaftaran kata laluan bagi pegawai yang baru hendaklah dipohon melalui BUBK.
- iv) Profil perunding tidak perlu disertakan dalam permohonan kepada Pihak Berkuasa Meluluskan di peringkat Perbendaharaan.

2.3 Pembetulan Kepada Lampiran I SP JPS Bil. 3/2008

Item b) Projek Kajian / Bukan Fizikal dalam Lampiran I SP JPS Bil. 3/2008 hendaklah ditambah perkataan ”Fizikal” dan dibaca seperti berikut:

- b) Projek Kajian Fizikal / Bukan Fizikal.

4.0 PENGUATKUASAAN DAN PEMBATALAN

- 4.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling JPS Bil 3/2008 bertarikh 13 Mac 2008.
- 4.2 Para 2.4 dan Lampiran III kepada Surat Pekeliling JPS Bil 3/2008 bertarikh 13 Mac 2008 adalah dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”


2 (DATO' IR HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

Tarikh: 16 April 2009